05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN MOTIVASI TERHADAP PENCAPAIAN PRESTASI KERJA GURU PELATIH BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

ELVIENIE PETRUS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya ELVIENIE PETRUS dengan nombor matrik D20202096267, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa Projek Tahun Akhir yang bertajuk Kesan Motivasi Terhadap Pencapaian Prestasi Kerja Guru Pelatih Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah hasil kerja saya sendiri, Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

.....

Nama : Elvienie Petrus

No. Matrik : D20202096267

Tarikh : 9/1/2025

PERAKUAN PENYELIA

Projek Tahun Akhir ini telah diselia dan diperakui oleh MUHAMAD FADZLLAH BIN HJ ZAINI. Projek Tahun Akhir ini adalah hasil kerja yang asli melainkan petikan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya.

Tandatangan:



( )

Tarikh: 9/1/2024

Cop Rasmi:

DR. MUHAMAD FADZLLAH BIN HJ ZAINI
PENSYARAH KANAN
JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM 35900 PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN MOTIVASI TERHADAP PENCAPAIAN PRESTASI KERJA GURU PELATIH BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ELVIENIE PETRUS

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih saya tujukan kepada pensyarah penyelia yang dihormati, Dr. Muhamad Fadzllah bin Hj Zaini, atas segala bimbingan, ilmu, dorongan, dan nasihat yang telah dicurahkan tanpa jemu sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Kebaikan hati dan kesabaran beliau dalam membimbing saya menjadi pendorong utama dalam usaha saya untuk mencapai kejayaan. Tidak terhingga juga ucapan terima kasih saya panjatkan kepada ibu tercinta, Nurisah binti Mius, yang menjadi tiang doa dan pendorong semangat. Kasih sayang dan keikhlasan doa ibu adalah cahaya yang tidak pernah pudar, menjadi sumber kekuatan yang mengiringi setiap langkah saya sebagai seorang mahasiswi di UPSI.

Selain itu, penghargaan tulus turut saya tujukan kepada Dr. Rafael Julius, yang dengan penuh keikhlasan sentiasa sudi berkongsi buah fikiran, idea bernas, dan pandangan yang mendalam, menjadikan penyelidikan ini lebih bermakna. Tidak ketinggalan, saya berterima kasih kepada ahli keluarga tercinta, Elvera Petrus, Maria Petrus Wong, Catherine Petrus, Eddy Emid, dan Noor Ainah Rais, yang tidak pernah lelah memberi sokongan moral, nasihat, dan bantuan kewangan. Setiap kata semangat, pelukan kehangatan, serta kepercayaan yang diberikan oleh mereka menjadi tiang kekuatan saya untuk terus melangkah ke hadapan.

Sesungguhnya, segala kejayaan yang dikecapi ini adalah hasil daripada doa, kasih sayang, dan sokongan tanpa henti daripada insan-insan yang tidak pernah berhenti percaya kepada saya. Andai mampu dilukiskan rasa terima kasih ini, pastinya lukisan ini akan menjadi karya teragung seantero dunia bahkan dicanang fikir oleh para cendekia, andai terima kasih ini adalah sebuah lagu pujangga pastinya menjadi melodi terindah berkumandang di segenap buana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru pelatih Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai bakal pendidik. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan, di mana soal selidik dijadikan instrumen utama. Seramai 160 pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti jurusan Pendidikan Bahasa Melayu dipilih sebagai sampel kajian. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), Smart PLS, dan Microsoft Excel, dengan model Structural Equation Modeling (SEM) digunakan untuk menilai korelasi Pearson, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, serta kesahan diskriminasi menggunakan Nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT). Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi penentuan kendiri (intrinsik) dan motivasi bukan penentuan kendiri (ekstrinsik) tidak mempunyai hubungan statistik yang signifikan dengan pencapaian prestasi guru pelatih. Walau bagaimanapun, faktor-faktor motivasi secara keseluruhan menunjukkan hubungan yang signifikan dan kukuh dengan pencapaian prestasi guru pelatih. Dapatan ini menggariskan keperluan untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, peluang pembangunan profesional, serta sistem ganjaran dan pengiktirafan yang sesuai bagi meningkatkan motivasi dan prestasi guru pelatih. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berkepentingan dalam usaha memperkukuhkan pembangunan kualiti pendidikan demi masa depan sistem pendidikan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFLUENCE OF MOTIVATION ON JOB PERFORMANCE OF MALAY LANGUAGE INTERN TEACHERS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

This study aims to identify the factors influencing the motivation of Malay Language trainee teachers at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) in fulfilling their responsibilities as future educators. A quantitative approach with a survey research design was employed, using questionnaires as the primary instrument. A total of 160 undergraduate students enrolled in the Malay Language Education program were selected as the study sample. The collected data was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), Smart PLS, and Microsoft Excel, with the Structural Equation Modeling (SEM) method applied to assess Pearson correlations, instrument validity and reliability, as well as discriminant validity using the Heterotrait-Monotrait (HTMT) ratio. The findings revealed that self-determined motivation (intrinsic) and non-self-determined motivation (extrinsic) had no statistically significant relationship with the trainee teachers' performance. However, overall motivational factors demonstrated a strong and significant relationship with the teachers' performance. These results emphasize the need to provide a conducive work environment, opportunities for professional development, and an effective system of rewards and recognition to enhance the motivation and performance of trainee teachers. This study is expected to guide stakeholders in strengthening the development of educational quality for the future of the national education system.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN		**i-ii**
PENGHARGAAN		**iii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		**v**
KANDUNGAN		**vi-vii**
SENARAI JADUAL		**viii**
SENARAI RAJAH		**ix**
SENARAI SINGKATAN		**x**
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1-2
	1.3 Pernyataan Masalah	3-4
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Persoalan Kajian	4
	1.6 Hipotesis Kajian	5
	1.7 Kepentingan Kajian	5
	1.8 Definisi Operasional	6
	1.9 Kesimpulan	6
BAB 2	**TINJAUAN LITERATUR**	
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Tinjauan Kajian Lepas	8-9
	2.2.1 Kajian Kesan Motivasi Terhadap Pencapaian Prestasi Kerja Guru	9-15
	2.2.2 Kajian Motivasi Penentuan Kendiri - *Self-determined motivation (SDM)*	16-19
	2.2.3 Kajian Motivasi Bukan Penentuan Kendiri - *Non-self-determined motivation (NSDM)*	19-23

.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.2.4 Kajian Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Kerja Guru	23-30
	2.2.5 Kajian Pencapaian Prestasi Kerja Guru	30-31
	2.3 Analisis Kritis	32-33
	2.4 Kerangka Teoritikal	33
	2.5 Kesimpulan	34
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**	
	3.1 Pengenalan	35
	3.2 Reka Bentuk Kajian	35
	3.3 Prosedur Pengumpulan Data	36-37
	3.4 Prosedur Penganalisisan Data	38-41
	3.5 Kesimpulan	41
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**	
	4.1 Pendahuluan	42
	4.2 Analisis Demografi Responden	42-44
	4.3 Analisis Data dan Keputusan	44-52
	4.4 Kesimpulan	52
BAB 5	**KESIMPULAN DAN CADANGAN**	
	5.1 Pendahuluan	53
	5.2 Perbincangan dan Rumusan Dapatan Kajian	53-54
	5.3 Implikasi Kajian	54-55
	5.4 Kebaharuan	55
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	55-56
	5.6 Kesimpulan	57
Rujukan		**58-60**
Lampiran		**61**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Jantina Responden	42
4.2	Umur Responden	43
4.3	Status Perkahwinan Responden	43
4.4	Taraf Pendidikan Responden	44
4.5	Analisis Statistik Diskriptif dan Kolerasi	45
4.6	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	46
4.7	Kesahan Diskriminasi (Nisbah Heterotrait-Monotrait) (HTMT)	50
4.8	Analisis Penilaian Hipotesis	50

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Teori Keazaman Diri	33
4.1	Analisis Faktor Pengesahan	46

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ME	Motivasi Ekstrinsik
MI	Motivasi Intrinsik
FM	Faktor Motivasi
PK	Prestasi Kerja
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
PLS-SEM	Partial Least Squares Structural Equation Modeling
Smart PLS	Smart Partial Least Squares

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB I
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Guru memikul amanah yang besar dalam tugas pembelajaran, pertumbuhan dan juga kesejahteraan murid. Namun begitu, ledakan teknologi digital pada masa kini menjadi sebuah cabaran yang besar kepada guru terutama sekali apabila berhadapan dengan keperluan murid yang bervariasi merentasi pelbagai generasi. Tuntutan kerja guru yang ditugaskan dengan tanggungjawab ini menyumbang kepada tekanan dan keletihan guru. Bagi menghadapi cabaran dan tekanan ini, kecekalan dan motivasi guru adalah penting untuk menggalakkan hasil yang positif. Motivasi ini membolehkan guru memanfaatkan keghairahan untuk mencari makna yang mendalam mengenai profesion ini agar tekal dan bertahan menghadapi pelbagai cabaran. Bahagian ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian bagi penyelidikan yang dijalankan ke atas populasi guru pelatih yang mengambil jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

1.2 Latar belakang kajian

Mendasari Teori Keazaman Diri *(Self-determination theory)* yang dipelopori, kajian ini dilakukan untuk melihat apakah kesan motivasi terhadap pencapaian prestasi kerja guru pelatih Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Teori Keazaman Diri ini mencadangkan bahawa setiap manusia mempunyai keperluan psikologi semula jadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk autonomi, kecekapan, dan pertalian yang mesti dipenuhi untuk meningkatkan motivasi diri dan kesihatan mental (Bouffard, 2017). Teori ini menjelaskan bagaimana konteks sosial berkait rapat dengan kepuasan terhadap keperluan asas psikologi yang menggalakkan motivasi intrinsik, tingkah laku dan kesejahteraan.

Motivasi merupakan keadaan internal yang menjadi pendorong kepada individu untuk melakukan aktiviti harian. Dorongan ini akan menjadi dasar kepada kekuatan dan kemampuan seseorang untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu. Dalam konteks pendidikan, seorang guru perlu berusaha menimbulkan serta mengembangkan minat mereka terhadap bidang yang diceburinya. Terdapat dua motif yang memacu kepada keberhasilan pencapaian kerja cemerlang bagi seorang guru iaitu motif intrinsik dan motif ekstrinsik.

Penjelasan bagi motivasi extrinsik dalam pendidikan adalah, pendidik memerlukan anak didik yang menghargai pendapat, fikiran, perasaan dan keyakinannya. Selain itu, pendidik sentiasa memiliki keinginan yang tinggi untuk memberikan bimbingan kepada anak didiknya apabila mengalami kesulitan baik berkaitan dengan aspek peribadi mahupun akademik dan pendidik memiliki rasa cinta terhadap kerjayanya sebagai pendidik. Ciri-ciri ini berupaya untuk mendorong pendidik untuk mengabdikan hidup dalam profesionnya sebagai seorang guru. Dalam era pendidikan yang semakin mencabar ini, bidang pendidikan semakin kurang popular dalam kalangan anak muda.

Kajian yang dibuat di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara lain menujukkan tahap tanggapan negatif profesion keguruan murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah amat tinggi. Menurut Harun Abstrak (2006), kerjaya perguruan di Malaysia pada era tahun 1970-an merupakan profesion yang amat popular. Namun begitu, faktor perubahan sosial dan ekonomi telah menyebabkan anak-anak muda tidak lagi berminat untuk menerokai bidang pendidikan terutamanya di kalangan kaum lelaki. Dunia pendidikan di Malaysia dikejutkan dengan fenomena guru bersara awal kerana tekanan beban kerja yang tinggi akibat perubahan corak pendidikan kerana kehadiran wabak Covid-19 pada tahun 2019 (K. Parkaran, 2022).

Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2022 sahaja seramai 5306 orang guru iaitu 1.2% daripada jumlah keseluruhan memilih untuk bersara awal (Hidayah Sani,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2023). Terdapat banyak faktor penyumbang kemerosotan kesihatan mental guru di Malaysia. Faktor ini pula terbahagi kepada dua iaitu mikro dan makro. Laporan Buletin TV3 bertarikh 30 Mac 2023, faktor makro masalah ini adalah, lokasi sekolah, bilangan murid sekolah, cabaran berhadapan dengan peribadi remaja yang terpengaruh dengan internet dan media sosial, persepsi ibu bapa dan pentadbiran sekolah, serta pejabat pendidikan kementerian, kegagalan guru mencapai tahap ataupun KPI yang ditetapkan serta sistem pendidikan negara yang sering berubah-ubah.

Manakala, faktor mikro pula adalah, guru tidak mahir menangani stress, permasalahan dan keluarga yang melibatkan pasangan serta kewangan seterusnya faktor perkembangan karier guru. Rangkumannya adalah, beban tugas yang melampau dalam sistem pendidikan telah menyebabkan guru dan memilih untuk bersara awal. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhadapan dengan krisis kekurangan tenaga pengajar di sekolah seramai 20,000 orang ekoran persaraan guru secara pilihan dan wajib (Kosmo, 2023). Ironinya, dalam kekalutan ini Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai universiti yang sinonim dengan bidang pendidikan dan telah melahirkan ramai guru masih menerima permohonan yang tinggi saban tahun sehingga perlu melakukan tapisan temuduga.

Daripada keseluruhan pemohon, hanya sebilangan kecil sahaja yang layak untuk dipilih masuk ke dalam universiti ini. Namun begitu, profesion seorang guru dianggap amat mencabar dalam kalangan guru pelatih atas faktor-faktor seperti pengurusan masa, kewangan, keluarga, komunikasi dan persekitaran (Azhar Muhammad, 2000). Oleh itu, kajian ini diakukan terhadap Guru Pelatih Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk melihat faktor yang mempengaruhi motivasi mereka dan bagaimana motivasi tersebut memberi kesan terhadap pencapaian prestasi mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mendalam mengenai peranan motivasi dalam prestasi kerja guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah amat penting dalam menghadapi cabaran pendidikan masa kini, termasuk penurunan minat anak muda terhadap kerjaya keguruan dan peningkatan fenomena guru bersara awal. Keadaan ini diburukkan lagi oleh insentif yang kurang memadai, gaji yang tidak mencukupi, serta kekurangan kemudahan dan sokongan yang sesuai, seperti yang sering dilihat dalam konteks global. Isu kekurangan tenaga pengajar dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru turut menambah kerumitan kepada situasi pendidikan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Davidson (2005) menekankan bahawa inisiatif untuk meningkatkan motivasi guru adalah kunci kepada peningkatan kualiti pendidikan, manakala Mustafa dan Othman (2010) menunjukkan hubungan positif antara tahap motivasi dan prestasi kerja guru. Kekurangan motivasi pula sering dikaitkan dengan prestasi akademik yang rendah dan ketidakhadiran guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana kedua-dua jenis motivasi, iaitu motivasi ekstrinsik dan intrinsik, mempengaruhi prestasi kerja guru pelatih, di samping memahami bagaimana faktor lain turut mempengaruhi motivasi tersebut. Penyelidikan ini adalah penting untuk memberikan panduan kepada pihak berwajib dalam merangka strategi yang efektif bagi meningkatkan motivasi dan prestasi guru pelatih serta menyokong keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif khusus yang diketengahkan untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai intipati kajian ini iaitu;

I. Mengenal pasti sumbangan motivasi penentuan kendiri *(Self-determined motivation)* terhadap prestasi kerja guru pelatih Bahasa Melayu di UPSI
II. Mengenal pasti kesan motivasi bukan penentuan kendiri *(Non-self-determined motivation)* terhadap prestasi kerja guru pelatih Bahasa Melayu di UPSI
III. Menganalisis sejauh mana faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru memberi kesan kepada prestasi kerja guru pelatih Bahasa Melayu di UPSI

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini mensasarkan tiga persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu;

I. Apakah motivasi penentuan kendiri menyumbang kepada prestasi kerja guru pelatih di UPSI?
II. Apakah motivasi bukan penentuan kendiri mempengaruhi prestasi kerja guru pelatih di UPSI?
III. Bagaimanakah faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru memberi kesan kepada prestasi kerja guru pelatih di UPSI?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian lepas, pembangunan hipotesis menjadi proses yang amat penting dalam penyelidikan seumpama ini yang melibatkan penjanaan dan pengujian andaian tentang hubungan antara pemboleh ubah. Oleh itu, pengkaji menetapkan tiga hipotesis sebagai jangkaan awal yang bakal menjawab persoalan-persoalan kajian;

H1: Motivasi penentuan kendiri memiliki hubungan dengan pencapaian prestasi guru pelatih.

H2: Motivasi bukan penentuan kendiri memiliki hubungan dengan pencapaian prestasi guru pelatih.

H3: Faktor yang mempengaruhi motivasi guru akan mempengaruhi pencapaian prestasi guru pelatih

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan wawasan yang bernilai kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berperanan penting dalam melahirkan guru berkualiti melalui program latihan guru. Melalui kajian ini, pelbagai pihak berkepentingan dapat memperoleh manfaat seperti berikut:

1.7.1 Institusi Pendidikan

Memahami bagaimana motivasi mempengaruhi prestasi kerja guru pelatih dapat memberikan panduan kepada institusi pendidikan, khususnya UPSI, untuk memperbaiki kurikulum dan strategi sokongan mereka. Usaha ini akan membantu melahirkan guru yang lebih kompeten, bermotivasi tinggi, dan bersedia menghadapi cabaran dunia pendidikan yang sentiasa berubah.

1.7.2 Pembuat Dasar dan Kerajaan

Kajian ini boleh dijadikan asas oleh pembuat dasar dalam menggubal polisi dan program yang menyokong motivasi guru pelatih. Dengan pendekatan yang berdasarkan bukti, kerajaan dapat mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk perkembangan profesional guru, seterusnya menyumbang kepada peningkatan sistem pendidikan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Sekolah dan Pentadbir Pendidikan

Sekolah dan institusi pendidikan lain juga dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan untuk meningkatkan motivasi guru. Guru yang lebih bermotivasi cenderung untuk menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik, yang akhirnya akan memberi impak positif kepada kualiti pendidikan dan pencapaian pelajar.

1.8 Definisi Operosional

Penjelasan khusus tentang bagaimana pemboleh ubah dalam kajian ini diukur atau ditakrifkan adalah seperti berikut;

1.8.1 Motivasi Penentuan Kendiri = Motivasi Intrinsik (MI)

Motivasi intrinsik diukur melalui soal selidik yang menilai sejauh mana individu merasa terdorong untuk melakukan tugas kerana kepuasan peribadi dan minat dalam aktiviti tersebut, menggunakan skala Likert dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Motivasi Bukan Penentuan Kendiri = Motivasi Ekstrinsik (ME)

Motivasi ekstrinsik diukur dengan soal selidik yang menilai sejauh mana individu terdorong untuk melakukan tugas kerana ganjaran luaran atau pengiktirafan, menggunakan skala Likert dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

1.8.3 Faktor Motivasi (FM)

Faktor motivasi diukur melalui soal selidik yang menilai pelbagai elemen yang mempengaruhi motivasi, seperti sokongan sosial, peluang perkembangan profesional, dan keadaan kerja, menggunakan skala Likert dari 1 (sangat tidak memuaskan) hingga 5 (sangat memuaskan).

1.8.4 Prestasi Kerja (PK)

Prestasi kerja diukur melalui penilaian prestasi yang melibatkan kriteria seperti pencapaian objektif pengajaran, kepuasan pelajar, dan penilaian oleh pentadbir, dengan menggunakan sistem skor yang telah ditetapkan berdasarkan rubrik prestasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menilai peranan motivasi terhadap prestasi kerja guru pelatih jurusan pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Fokus utama adalah pada dua jenis motivasi, iaitu motivasi penentuan kendiri (intrinsik) yang merangkumi minat dan kepuasan diri, serta motivasi bukan penentuan kendiri (ekstrinsik) seperti ganjaran dan tekanan sosial. Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan korelasi untuk menilai hubungan antara motivasi dan prestasi kerja, serta menganalisis faktor lain seperti sokongan institusi dan suasana kerja.

Sampel kajian terdiri daripada guru pelatih yang dipilih secara rawak mudah, dengan data dikumpulkan melalui soal selidik yang merangkumi demografi, skala motivasi, dan soalan berkaitan prestasi kerja. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk mengenal pasti tahap motivasi, hubungan dengan prestasi kerja, dan impak faktor lain. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis sumbangan motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap prestasi kerja guru pelatih serta menilai impak faktor motivasi terhadap prestasi kerja mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi